

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN [KOTA
BHARU]**

TARIKH : 13 NOVEMBER 2019 (RABU)

SOALAN

DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN [KOTA BHARU] minta **PERDANA
MENTERI** menyatakan:

- (a) senarai ahli Jawatankuasa Khas Kajian Hukuman Gantian terhadap Hukuman Mati Mandatori yang akan ditubuhkan Kerajaan; dan
- (b) adakah para agamawan seperti mufti serta pihak jabatan agama turut terlibat sama dalam penubuhan jawatankuasa tersebut.

**JAWAPAN : YB TUAN MOHAMED HANIPA MAIDIN,
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI**

(a) Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan pada 29 Ogos 2019 telah bersetuju agar Jawatankuasa Khas Kajian Hukuman Gantian Terhadap Hukuman Mati Mandatori ditubuhkan untuk mengkaji secara keseluruhan polisi penghukuman (*sentencing policy*) bagi menggantikan hukuman mati mandatori dengan hukuman yang lebih wajar, tertakluk kepada budi bicara Mahkamah.

Komposisi keahlian Jawatankuasa Khas ini adalah terdiri daripada pakar-pakar dalam bidang perundangan seperti bekas Hakim Mahkamah Persekutuan, bekas Peguam Kanan Persekutuan, pengamal undang-undang, pensyarah undang-undang daripada Institusi Pengajian Awam terkemuka dan pakar kajian jenayah (*criminologist*) seperti di Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Senarai Ahli Jawatankuasa Khas Kajian Hukuman Gantian Terhadap Hukuman Mati Mandatori

Bil.	Nama	Jawatan Semasa / Terakhir
1.	YBhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima Richard Malanjum	Mantan Ketua Hakim Negara
2.	YBhg. Tan Sri Zaharah binti Ibrahim	Mantan Hakim Besar Malaya
3.	Encik Edmund Bon Tai Soon	Malaysian Centre for Constitutionalism and Human Rights
4.	Encik Andrew Khoo Chin Hock	Majlis Peguam Malaysia
5.	YBhg. Datin Paduka Seri Zauyah Be binti T. Loth Khan	Mantan Peguam Cara Negara
6.	Encik Thang Ah Yong	Mantan Pegawai Kanan Jabatan Penjara Malaysia
7.	YBhg. Dato' Mah Weng Kwai	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM)
8.	YBrs. Dr. Farah Nini binti Dato' Dusuki	Pensyarah Universiti Malaya (UM)
9.	YBhg. Profesor Madya Dato' Dr. P. Sundramoorthy	<i>Criminalologist</i> di Universiti Sains Malaysia (USM)

(b) Tuan Yang di-Pertua,

Secara amnya, para agamawan seperti Mufti serta Jabatan Agama Islam Negeri tidak dilibatkan secara langsung dalam penubuhan Jawatankuasa Khas ini. Walau bagaimanapun, penubuhan Jawatankuasa Khas ini merupakan komitmen Kerajaan untuk memastikan proses gubalan undang-undang itu sendiri bersifat inklusif, holistik dan efektif dengan memfokus kepada sesi libat urus dan *outreach* yang mencukupi. Justeru, penglibatan pelbagai lapisan masyarakat termasuk para agamawan seperti Mufti serta Jabatan Agama Islam Negeri dalam proses kajian ini melalui pelbagai platform seumpama ini akan diberi perhatian khusus supaya hak individu untuk menyuarakan pandangan tidak diketepikan.

Oleh yang demikian, cadangan pelaksanaan sesi libat urus yang holistik akan melibatkan pelbagai platform seperti :

- (i) sesi *town hall* negeri mengikut zon;
- (ii) sesi *town hall* bersama ahli Parlimen;
- (iii) konsultasi awam secara atas talian;
- (iv) pandangan pakar (*expert opinion*);
- (v) *focus group discussion* bersama pakar-pakar; dan
- (vi) perjumpaan dengan keluarga mangsa dan banduan akhir.

Sekian, terima kasih.